



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
BILANGAN 1 TAHUN 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Y.B. Setiausaha Kerajaan, Negeri Pulau Pinang
Y.B. Setiausaha Kerajaan, Negeri Melaka
Y.B. Setiausaha Kerajaan, Negeri Sembilan
Y.B. Setiausaha Kerajaan, Negeri Perlis

**TATACARA PERMOHONAN PENGISIAN
KEKOSONGAN JAWATAN**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai tatacara permohonan pengisian kekosongan jawatan bagi tahun 2010 yang meliputi jawatan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan jawatan Kumpulan Sokongan yang berkelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ke atas bagi Perkhidmatan Awam Am Persekutuan serta Perkhidmatan Awam Negeri Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan dan Perlis.

LATAR BELAKANG

2. Urusan pengisian jawatan kosong dalam sektor awam adalah satu komponen penting dalam pengurusan sumber manusia. Pengisian jawatan yang sistematik dan terancang mampu mewujudkan sebuah organisasi yang mantap dan berupaya menjalankan peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan cekap.

3. Pengisian jawatan kosong yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Malaysia melalui urusan pengambilan adalah berdasarkan kepada Perkara 5(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 [P.U.(A)176/2005] iaitu semua pelantikan ke dalam perkhidmatan awam hendaklah mengikut syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatan yang sedang berkuatkuasa.

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGISIAN PERJAWATAN

Jadual Permohonan

4. SPA telah melaksanakan urusan permohonan jawatan sepanjang masa secara *online* melalui Borang SPA8i yang boleh dicapai di portal SPA, <http://www.spa.gov.my>. Dengan kaedah ini SPA tidak lagi mengiklankan kekosongan jawatan di akhbar sebelum sesuatu urusan pengambilan bagi pengisian jawatan kosong dilaksanakan. Data-data permohonan yang telah didaftar di SPA secara *online* akan digunakan untuk memilih calon yang sesuai bagi memenuhi keperluan Kementerian/ Jabatan/ Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri. Dengan hasrat untuk mengurus pengisian kekosongan jawatan dengan lebih sistematik, permohonan pengisian jawatan oleh Kementerian/ Jabatan/ SUK Negeri hendaklah dibuat mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh SPA. Jadual permohonan pengisian jawatan mengikut klasifikasi perkhidmatan adalah seperti di **Lampiran A**. Urusan permohonan pengisian bagi sesuatu jawatan adalah tidak melebihi dua (2) kali setahun. Sehubungan itu, Kementerian/ Jabatan/ SUK Negeri perlu membuat perancangan yang teliti serta mengambil

kira urusan kenaikan pangkat sebelum mengemukakan permohonan pengisian jawatan kepada SPA.

Permohonan Secara *Online*

5. Selaras dengan perkembangan teknologi dan berikutan permohonan jawatan yang telah dilaksanakan secara *online*, permohonan pengisian jawatan oleh Kementerian/ Jabatan/ SUK Negeri juga perlu dilaksanakan secara *online* iaitu melalui aplikasi e-PGSPA. Aplikasi ini merupakan satu Sistem Elektronik Pengambilan SPA di mana Kementerian/ Jabatan/ SUK Negeri boleh mengemukakan permohonan pengisian jawatan secara *online* melalui portal SPA bagi menggantikan Borang PGSPA yang diisi secara manual. Melalui kaedah ini, agensi boleh merancang dan seterusnya memantau status permohonan secara terus melalui internet. Ciri-ciri keselamatan dalam sistem ini adalah melalui penggunaan ID pengguna dan kata laluan. Setiap transaksi yang dijalankan akan direkodkan ke dalam sistem bagi tujuan audit. Pengurus Sumber Manusia di Kementerian/ Jabatan/ SUK Negeri adalah bertanggungjawab sepenuhnya semasa permohonan pengisian jawatan dibuat melalui e-PGSPA. Manual penggunaan e-PGSPA adalah seperti di **Lampiran B**.

Perkhidmatan Gunasama dan Kader

6. Bagi perkhidmatan gunasama dan perkhidmatan kader, kekosongan jawatan hendaklah dimaklumkan kepada Ketua Perkhidmatan jawatan berkenaan. Urusan pengambilan hanya akan dijalankan setelah SPA menerima permohonan pengisian jawatan daripada Ketua Perkhidmatan jawatan berkenaan.

Bidang Pengkhususan

7. Bagi membolehkan SPA membuat proses senarai pendek, pihak Kementerian/ Jabatan/ SUK Negeri hendaklah menyatakan dengan jelas bidang pengkhususan yang diperlukan bagi sesuatu jawatan dan menyatakan dengan tepat jumlah calon simpanan yang diperlukan berdasarkan kepada jumlah kekosongan yang dijangka berlaku dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh permohonan itu.

8. Bagi jawatan yang disyaratkan perkhidmatan wajib seperti Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi, urusan pengambilan akan diadakan secara berterusan sepanjang masa dan tidak tertakluk kepada pengemukakan permohonan pengisian jawatan melalui e-PGSPA.

9. Sehubungan itu, dengan berkuatkuasanya pelaksanaan e-PGSPA, adalah wajar agar permohonan pengisian kekosongan jawatan dibuat oleh pegawai-pegawai yang telah diwakilkan kuasa oleh Pegawai Pengawal mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2002 (Penurunan Kuasa Perbendaharaan Kepada Pegawai Pengawal Bagi Meluluskan Pengisian Jawatan).

PERANCANGAN URUSAN PENGAMBILAN

10. Kementerian/ Jabatan/ SUK Negeri perlu membuat perancangan yang teliti dan teratur sebelum permohonan pengisian jawatan dikemukakan ke SPA. Perancangan yang teliti dan teratur adalah penting bagi memastikan urusan pengambilan dapat dijalankan dengan lebih sistematik dan pengisian jawatan-jawatan kosong dapat dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Bagi memastikan kelancaran urusan pengambilan, Kementerian/ Jabatan/ SUK Negeri perlu memaklumkan kekosongan sebenar yang ingin diisi dan kekosongan yang dijangka berlaku pada tahun 2010 akibat persaraan wajib atau pilihan, perletakan jawatan, kenaikan pangkat, pewujudan jawatan-jawatan baru dan lain-lain kekosongan yang akan berlaku bagi tahun yang dirancang.

11. Bagi urusan pengambilan ke jawatan-jawatan yang telah ditetapkan perlu melalui proses peperiksaan bertulis, peperiksaan amali, peperiksaan fizikal, pemeriksaan penglihatan, ujian kecergasan, ujian psikologi, *assessment centre* dan saringan-saringan lain, Ketua Perkhidmatan hendaklah merancang urusan pengambilan dengan mengambilkira tempoh masa yang diambil untuk menyelesaikan saringan-saringan ini. Ini adalah untuk memastikan pengisian dapat dibuat dengan sistematik. Skim perkhidmatan yang memerlukan peperiksaan berkenaan adalah seperti di **Lampiran C**.

PERMOHONAN DARI KALANGAN PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT

12. Pihak Kementerian/ Jabatan/ SUK Negeri hendaklah menasihatkan pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat mengemukakan permohonan jawatan secara *online* sebagaimana juga calon-calon baru dan memastikan ianya sentiasa aktif dan tidak luput tempoh sah lakunya. Sekiranya pegawai dipanggil temuduga, Kementerian/ Jabatan/ SUK Negeri juga perlu memastikan pegawai mendapatkan surat perakuan Ketua Jabatan dan membawanya semasa menghadiri temu duga beserta Laporan Penilaian Prestasi yang terkini, slip gaji terakhir dan Ringkasan Kenyataan Perkhidmatan seperti di **Lampiran D**.


13. Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian/ Jabatan/ SUK Negeri untuk memastikan pegawai mereka telah mengisytiharkan harta mengikut peruntukan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002.

TARIKH KUAT KUASA

14. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2010.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' LAMIEN BIN SAWIYO)
Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Malaysia

31 Disember 2009

LAMPIRAN A**JADUAL PERMOHONAN PENGISIAN JAWATAN
DIBAWAH BIDANG KUASA SPA
MENGIKUT KLASIFIKASI PERKHIDMATAN**

BULAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN
JANUARI & JULAI	Pertanian (G) Tadbir dan Diplomatik (M) Bakat dan Seni (B) <ul style="list-style-type: none">- Pegawai Kebudayaan B41- Pegawai Kebudayaan B27- Pegawai Kebudayaan B17 Kejuruteraan (J) <ul style="list-style-type: none">- Jurutera (Awam) J41- Jurutera (Elektrik) J41
FEBRUARI & OGOS	Sistem Maklumat (F) Sosial (S) Perubatan dan Kesihatan (U) Bakat dan Seni (B) <ul style="list-style-type: none">- Artis Budaya B27- Artis Budaya B17 Kejuruteraan (J) <ul style="list-style-type: none">- Jurutera (Elektronik) J41- Jurutera (Mekanikal) J41 Pencegahan (P) <ul style="list-style-type: none">- Penolong Pegawai Siasatan/Pegawai Siasatan P29/P41
MAC & SEPTEMBER	Keselamatan dan Pertahanan Awam (KB, KP dan KX) Pentadbiran dan Sokongan (N) Penguatkuasaan Maritim (X) Bakat dan Seni (B) <ul style="list-style-type: none">- Ahli Fotografi B27- Ahli Fotografi B17- Jurusolek B17 Kejuruteraan (J) <ul style="list-style-type: none">- Penolong Jurutera (Awam) J29- Penolong Jurutera (Elektrik) J29

BULAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN
<p style="text-align: center;">APRIL & OKTOBER</p>	<p>Ekonomi (E) Penyelidikan dan Pembangunan (Q) Kewangan (W) Bakat dan Seni (B) - Penerbit Rancangan B41 - Penerbit Rancangan B27 - Penerbit Rancangan B17 Kejuruteraan (J) - Penolong Jurutera (Elektronik) J29 - Penolong Jurutera (Mekanikal) J29</p>
<p style="text-align: center;">MEI & NOVEMBER</p>	<p>Pengangkutan (A) Sains (C) Perundangan dan Kehakiman (L dan LS) Bakat dan Seni (B) - Pereka B41 - Pereka B27 - Pereka B17 Kejuruteraan (J) - Juruteknik (Awam) J17 - Juruteknik (Elektrik) J17</p>
<p style="text-align: center;">JUN & DISEMBER</p>	<p>Pendidikan (DG dan DGA) Lain-lain jawatan dalam Klasifikasi Perkhidmatan Kejuruteraan (J) Mahir, Separuh Mahir dan Tidak Mahir (R) Bakat dan Seni (B) - Ahli Muzik B41 - Ahli Muzik B27 - Ahli Muzik B17 Kejuruteraan (J) - Juruteknik (Elektronik) J17 - Juruteknik (Mekanikal) J17</p>

Catatan :-

- 1) Jawatan di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan yang disyaratkan perkhidmatan wajib seperti Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi, tidak tertakluk kepada jadual di atas.
- 2) Bagi jawatan di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Kejuruteraan, selain daripada jawatan Jurutera, Penolong Jurutera dan Juruteknik dalam bidang Awam, Elektrik, Elektronik dan Mekanikal, permohonan pengisian jawatan hendaklah dihantar pada bulan Jun dan Disember.



Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
Aras 6 – 10, Blok C7, Parcel C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62520 Putrajaya

Manual Pengguna

ePGSPA

Disediakan Oleh:
Bahagian Pengurusan Maklumat



ISI KANDUNGAN

1. PENGENALAN	2
2. OBJEKTIF	2
3. MODUL UTAMA SISTEM ePGSPA DAN LAMAN WEB	2
4. LOGIN SISTEM ePGSPA	3
5. LAMAN UTAMA SISTEM ePGSPA	4
6. PERMOHONAN PGSPA	5
6.1. Proses Kerja Permohonan PGSPA	5
6.2. Daftar Maklumat PGSPA	6
6.3. Hantar maklumat PGSPA	10
6.4. Skim Permohonan (Pendaftaran Skim Permohonan)	11
6.5. Peti Masuk (Paparan Penerimaan Mesej Baru)	12
6.6. Status PGSPA (Paparan Status Permohonan PGSPA)	13
7. PENDAFTARAN LAPORAN P.U.(B) 496	14
7.1. Proses Kerja Pendaftaran Laporan P.U.(B) 496	14
7.2. Daftar Laporan P.U.(B) 496	15
7.3. Tambah maklumat calon P.U.(B) 496	20
7.4. Hantar Laporan P.U.(B) 496	24
7.5. Skim P.U.(B) 496 (Pendaftaran Skim P.U.(B) 496)	25
8. KHIDMAT BANTUAN	26

1. PENGENALAN

ePGSPA merupakan Sistem Permohonan Pengisian Jawatan di bawah Bidang Kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Sistem ini membolehkan Kementerian/Jabatan/Pentadbiran Negeri membuat pengisian jawatan secara online bagi menggantikan borang PGSPA yang diisi secara manual. Kementerian/Jabatan/Pentadbiran Negeri akan diberikan kata laluan (id) untuk mencapai dan menghantar maklumat PGSPA melalui Portal SPA. Selain itu, ia juga membolehkan Kementerian/Jabatan/Pentadbiran Negeri membuat pengisian Laporan P.U.(B) 496 secara online bagi menggantikan proses pengisian secara manual sebelum ini.

2. OBJEKTIF

Objektif pembangunan sistem ini adalah untuk memudahkan dan mempercepatkan proses permohonan pengisian jawatan di Kementerian/Jabatan/Pentadbiran Negeri dan juga memudahkan Kementerian/Jabatan/Pentadbiran Negeri mengetahui status permohonan pengisian jawatan yang dipohon. Selain daripada itu, ia juga dapat memudahkan dan mempercepatkan proses pengisian Laporan P.U.(B) 496 di Kementerian/Jabatan/Pentadbiran Negeri.

3. MODUL UTAMA SISTEM ePGSPA DAN LAMAN WEB

Sistem ePGSPA mempunyai 6 modul utama iaitu:

1. Peti Masuk
2. Status PGSPA
3. Maklumat PGSPA
4. Skim Permohonan
5. Laporan P.U.(B) 496
6. Skim P.U.(B) 496

Untuk mencapai Sistem ePGSPA ini, pengguna perlu menggunakan pelayar web (Web Browser) dan menaip alamat web (URL) seperti berikut:

<http://epgspa.spa.gov.my>

4. LOGIN SISTEM ePGSPA

4.1. Masukkan ID Pengguna dan Kata Laluan. Contohnya:

Id Pengguna : jpa
Kata Laluan : jpa123



PERHATIAN:
Sistem ini hanyalah untuk kegunaan Bahagian Sumber Manusia, Kementerian/Jabatan sahaja.
Untuk memohon jawatan-jawatan kosong di SPA, sila gunakan Borang Permohonan Online (SPA8I) yang disediakan di [Portal SPA](#)

Sila masukkan ID Pengguna dan Kata Laluan

ID Pengguna: jpa
Kata Laluan: *****
Masuk

Peringatan:

- ID Pengguna dan Kata Laluan hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh dikongsi dengan sesiapa sahaja.
- Sistem akan keluar (logoff) secara automatik apabila tiada aktiviti dilaksanakan dalam tempoh 3 jam.
- Permohonan baru ID hendaklah menggunakan borang yang terdapat di [Portal SPA](#) dan perlu disahkan oleh Ketua Jabatan/Kementerian.
- Sekiranya terlupa ID Pengguna/ Kata Laluan/ Tidak Aktif/ Akaun dikunci, emailkan kepada sistemspa@spa.gov.my dengan menyatakan Sistem Aplikasi, Nama dan Id Pengguna.

PENAFIAN
Kerajaan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan disebabkan penggunaan mana-mana maklumat yang disediakan melalui laman web ini.
Hakcipta Terpelihara © spa@2007. Sesuai dipapar menggunakan IE versi 6.0 dan ke atas dengan resolusi 1024 x 768.

4.2. Sila tukar Kata Laluan bagi pertama kali login ke sistem ePGSPA.




MENU

- Tukar Katalaluan
- Keluar

Kata Laluan Lama: *****
Kata Laluan Baru: ***
Sahkan Kata Laluan Baru: ***
Tukar Kata Laluan

Masukkan kata laluan lama
Masukkan kata laluan baru
Sahkan kata laluan baru
Klik `Tukar Kata Laluan`

5. LAMAN UTAMA SISTEM ePGSPA



The screenshot shows the main interface of the ePGSPA system. At the top, there is a header with the system name 'ePGSPA' and 'Sistem Permohonan Pengisian Jawatan'. Below this, a navigation menu is visible on the left side. The main content area displays a personalized welcome message for 'MOHD RAHMAN BIN ABBAS' and a notification for '1 mesej' (1 message) in the inbox. Several links are provided for users to download forms and manuals, and to report issues.

MENU

- Laman Utama
- Peti Masuk
- Status PGSPA
- Maklumat PGSPA
- Skim Permohonan
- Laporan P.U.(B) 496
- Skim P.U.(B) 496
- Tukar Katalaluan
- Keluar

Selemat datang MOHD RAHMAN BIN ABBAS ke Sistem ePGSPA, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia.

Anda Mempunyai 1 mesej di dalam peti masuk anda: **Peti Masuk (1)**

Terima Kasih


- Muat Turun Borang Daftar Pengguna Sistem ePGSPA
- Muat Turun Manual Pengguna Sistem ePGSPA / Laporan P.U.(B) 496 (Kementerian/Jabatan)
- Emelkan sebarang aduan atau pertanyaan berkaitan sistem ePGSPA!

Muat turun Borang Daftar Pengguna Sistem ePGSPA dan Manual Pengguna Sistem ePGSPA / Laporan P.U.(B) 496. klik untuk muat turun

Memaparkan jumlah pesanan di dalam peti masuk. Klik untuk lihat

Emelkan sebarang aduan atau pertanyaan berkaitan sistem ePGSPA

Menu Utama sistem ePGSPA



The diagram illustrates the main menu of the ePGSPA system, listing various options and their functions:

MENU	Fungsi
Laman Utama	Kembali ke laman utama
Peti Masuk	Peti Masuk
Status PGSPA	Untuk Menyemak status borang PGSPA yang dihantar
Maklumat PGSPA	Daftar borang PGSPA
Skim Permohonan	Daftar skim yang hendak dipohon
Laporan P.U.(B) 496	Daftar Laporan P.U.(B) 496
Skim P.U.(B) 496	Daftar skim P.U.(B) 496 yang hendak dilaporkan
Tukar Katalaluan	Fungsi tukar kata laluan
Keluar	Keluar dari sistem ePGSPA



The screenshot shows the main interface of the ePGSPA system, highlighting the navigation links at the bottom of the page:

ePGSPA
Sistem Permohonan Pengisian Jawatan
jpa || JABATAN PERKHIDMATAN AWAM :: Laman Utama :: Isnin, 15 Jun 2009 - 3:33:07 Petang :: Keluar ::

Kembali ke laman Utama


Keluar dari sistem ePGSPA

Emelkan sebarang aduan atau pertanyaan berkaitan sistem ePGSPA

6. PERMOHONAN PGSPA

6.1. Proses Kerja Permohonan PGSPA


Proses kerja ini adalah bertujuan supaya pengguna lebih memahami bagaimana perjalanan proses permohonan PGSPA ini.



6.2. Daftar Maklumat PGSPA

6.2.1. Klik pada Menu `Maklumat PGSPA`.


6.2.2. Klik `Tambah` untuk mendaftar maklumat PGSPA baru.



(1). Klik Menu `Maklumat PGSPA`.

(2). Klik `Tambah`.

6.2.3. Skrin borang PGSPA, sila isikan borang ini dan pastikan ruang mandatori * diisi.



Borang Permohonan Pengisian Jawatan Di Bawah Bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
(Satu borang hendaklah diisi untuk satu Skim Perkhidmatan)

No. Rujukan PGSPA : PGSPA/14/2010

Tahun : 2010

Kementerian/Jabatan : JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Jawatan :
Skim Perkhidmatan : * Sila Pilih

Jadual Gaji : * P 1 T 1

Bilangan jawatan yang diluluskan mengikut Buku Anggaran Belanja Mengurus Tahun : * 2010

Tetap :
Sementara :
Kontrak :

Kekosongan

a) Bilangan kekosongan yang dipohon untuk pengisian : *
Bilangan kekosongan yang masih ada (untuk tempoh 6 bulan):
Bilangan kekosongan yang dijangka akibat persaraan atau kenaikan pangkat:
Bilangan kekosongan dari kemungkinan lain :

b) Pecahan Kekosongan
Semenanjung :
Sabah :
Sarawak :

Jika senarai skim perkhidmatan yang ingin di pohon tidak ada pada pilihan skim perkhidmatan, sila tambah skim tersebut pada menu `Skim Permohonan` seperti contoh pada bilangan (6.4.) di bawah.

6.2.4. Klik `Padam` jika hendak isi semula borang.

6.2.5. Klik `Simpan Rekod` untuk simpan maklumat PGSPA yang telah diisi.

Senarai Nama Pegawai Kader Yang Ditempatkan Di Kementerian/Jabatan
(Sila gunakan lampiran berasingan sekiranya terdapat ramai calon. Ketua Jabatan memastikan calon telah mengemukakan permohonan. Sila senaraikan Nama, No. Kad Pengenalan dan nama Kementerian/Jabatan di mana mereka ditempatkan.)

Nama	No. KP	Kementerian/Jabatan
<input type="text"/>	<input type="text"/>	Sila Pilih
<input type="text"/>	<input type="text"/>	Sila Pilih

Pengesahan :

(a) Saya mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan di atas adalah betul untuk tujuan urusan pengambilan ini.

Nama Pegawai : *

Gelaran Jawatan : *

No. Telefon : *

Tarikh : *

(b) Pengesahan Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Setiausaha Kerajaan Negeri

Saya bersetuju dengan maklumat yang diberikan dan meluluskan pengisian kekosongan jawatan ini selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bli. 5 Tahun 2002.

Nama Pegawai : *

Gelaran Jawatan : *

Emel :
(Masukkan emel KSU/Ketua Jabatan/SUK untuk memaklumkan secara emel maklumat penghantaran urusan pengambilan ini.)

Tarikh : *

Tarikh Permohonan :

Muat Naik Waran Perjawatan : *

Muat Naik Senarai Tugas dan Diskripsi Tugas Jawatan : *

Muat Naik Lain-Lain Lampiran :

Klik `Padam`

Klik `Simpan Rekod` untuk daftar borang PGSPA

Masukkan Fail Lampiran Waran Perjawatan, Senarai Tugas dan Diskripsi Tugas Jawatan serta lain-lain lampiran.


6.2.6. Paparan maklumat PGSPA yang telah disimpan.

6.2.6.1. Paparan maklumat PGSPA.



The screenshot shows the ePGSPA web application interface. At the top, there is a header with the SPA logo and the text "ePGSPA Sistem Permohonan Pengisian Jawatan". Below the header, there is a navigation menu on the left and a search bar. The main content area displays a table of PGSPA records. The table has columns for "Lihat", "Kemaskini", "Pilih", "Bil.", "Rujukan PGSPA", "Jawatan", "Tarikh Pohon", and "Status". A single record is visible with the following details: Bil. 1, Rujukan PGSPA PGSPA/14/2010, Jawatan PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK GRED M41, Tarikh Pohon 03/06/2010, and Status Baru Daftar. Below the table, there are buttons for "Hapus" and "Hantar", and a pagination control showing "Rekod 1 hingga 1 dari 1" and "Rekod Per Muka Surat 10".


6.2.6.2. Petunjuk-petunjuk pada laman Maklumat PGSPA.



The screenshot shows the same ePGSPA interface as in 6.2.6.1, but with several annotations pointing to specific elements:

- Fungsi carian ringkas Maklumat PGSPA:** Points to the search input field.
- Klik untuk `refresh` skrin:** Points to the "Cari" button.
- Fungsi Carian Lanjut Maklumat PGSPA:** Points to the "Papar Semua" and "Carian Lanjut" links.
- Klik untuk daftar PGSPA baru:** Points to the "Tambah" button.
- Pilih untuk membuat aktiviti `Hapus` dan `Hantar`:** Points to the "Hapus" and "Hantar" buttons.
- Pilih untuk melihat rekod per muka surat senarai maklumat PGSPA:** Points to the "Rekod Per Muka Surat" dropdown menu.
- Klik untuk kemaskini maklumat PGSPA:** Points to the "Kemaskini" link in the table header.
- Klik untuk Hapus maklumat PGSPA:** Points to the "Hapus" button.
- Klik untuk lihat Maklumat PGSPA:** Points to the "Lihat" link in the table header.
- Klik untuk hantar permohonan PGSPA kepada pihak SPA Malaysia:** Points to the "Hantar" button.

6.2.7. Klik `Lihat` untuk melihat maklumat PGSPA.



Kembali Ke Senarai

Cetak Borang PGSPA

No. Rujukan PGSPA : PGSPA/14/2010
Tahun : 2010
Kementerian / Jabatan : JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Jawatan
Skim Perkhidmatan : PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK GRED M41
Klasifikasi Perkhidmatan : TADBIR DAN DIPLOMATIK
Kumpulan Perkhidmatan : A
Gred Gaji : M41
Jadual Gaji : P1 T1

Bilangan jawatan yang diluluskan mengikut Buku Anggaran Belanja Mengurus Tahun : 2010

Tetap :
Sementara :
Kontrak :

Kekosongan
(a) Bilangan kekosongan yang dipohon untuk pengisian : 20
Bilangan kekosongan yang masih ada (untuk tempoh 6 bulan) :
Bilangan kekosongan yang dijangka akibat persaraan atau kenaikan pangkat :
Bilangan kekosongan dari kemungkinan lain :
(b) Pecahan Kekosongan :
Semenanjung :
Sabah :
Sarawak :
(c) Butiran kekosongan mengikut Buku Anggaran Belanja Mengurus Tahun Semasa :

6.2.8. Klik `Kemaskini` untuk kemaskini maklumat PGSPA.

6.2.9. Klik `Hapus` untuk hapus maklumat PGSPA.

[Kembali Ke Senarai](#)

Bil.	Rujukan PGSPA	Kementerian / Jabatan	Jawatan	Tarikh Pohon	Status
1	PGSPA/1/2009	JABATAN PERKHIDMATAN AWAM	PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK GRED M41	04/04/2009	Baru Daftar

Pasti Hapus?

6.3. Hantar maklumat PGSPA

6.3.1. Klik `Pilih` dan klik butang `Hantar` untuk hantar permohonan PGSPA kepada pihak SPA Malaysia.



The screenshot shows the ePGSPA web application interface. At the top, there is a header with the SPA logo and the text 'ePGSPA Sistem Permohonan Pengisian Jawatan'. Below the header, there is a search bar with a 'Cari' button and a 'Paparan Semua' button. A 'Tambah' button is also visible. A table lists applications with columns for 'Lihat', 'Kemaskini', 'Pilih', 'Bil.', 'Rujukan PGSPA', 'Jawatan', 'Tarikh Pohon', and 'Status'. The first row shows application number 1, reference 'PGSPA/14/2010', position 'PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK GRED M41', date '03/06/2010', and status 'Baru Daftar'. Below the table are 'Hapus' and 'Hantar' buttons. An arrow points to the 'Pilih' button in the table, and another arrow points to the 'Hantar' button below the table. Below the table, there is a pagination control showing 'Rekod 1 hingga 1 dari 1' and a dropdown for 'Rekod Per Muka Surat' set to '10'.

Klik `Pilih` dan klik butang `Hantar` untuk hantar permohonan PGSPA.

6.3.2. Isikan catatan jika ada.

[Kembali Ke Senarai](#)

Rujukan PGSPA	PGSPA/1/2009
Kementerian / Jabatan	JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
Jawatan	PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK GRED M41
Tarikh Pohon	04/04/2009
Catatan	<input type="text"/>
Tarikh Hantar	04/04/2009 <input type="text"/>

Isikan catatan jika ada

6.3.3. Klik butang `Hantar` untuk hantar permohonan PGSPA tersebut.

6.3.4. Jika anda belum hantar permohonan PGSPA kepada pihak SPA Malaysia, anda masih lagi boleh kemaskini atau hapus segala maklumat PGSPA.

6.3.5. Jika ingin membuat kemaskini atau hapus maklumat PGSPA selepas hantar, anda perlulah maklumkan kepada pihak SPA Malaysia untuk tindakan lanjut.

6.4. Skim Permohonan (Pendaftaran Skim Permohonan)

- 6.4.1. Klik Menu `Skim Permohonan` untuk daftar skim dipohon untuk pengisian oleh pihak SPA Malaysia.
- 6.4.2. Permohonan skim ini ialah apabila pihak kementerian/jabatan anda hendak memilih skim-skim baru untuk pengisian di kementerian/jabatan anda.
- 6.4.3. Klik `Tambah` untuk daftar skim dipohon.




The screenshot shows the ePGSPA web application interface. At the top, there is a header with the SPA logo and the text "ePGSPA Sistem Permohonan Pengisian Jawatan". Below the header, there is a navigation menu on the left with the following items: Laman Utama, Peti Masuk, Status PGSPA, Maklumat PGSPA, Skim Permohonan, Laporan P.U.(B) 496, Skim P.U.(B) 496, Tukar Katalaluan, and Keluar. The main content area displays a search bar with a "Cari" button and a "Paparan Semua" button. Below the search bar, there is a "Tambah" button with an arrow pointing to it and the text "Klik `Tambah` untuk daftar skim dipohon". Below the "Tambah" button, there is a table with the following data:

Bil.	Skim Permohonan
Lihat 1.	1000 - KETUA KOMUNIKASI KORPORAT GRED 54 (TERBUKA)
Lihat 2.	1073 - PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED J41
Lihat 3.	1152 - PEGAWAI PSIKOLOGI GRED S41
Lihat 4.	1609 - PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK GRED M41
Lihat 5.	1871 - PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F41
Lihat 6.	1966 - PENGURUS ASRAMA GRED N41
Lihat 7.	2052 - PENOLONG PEGAWAI PSIKOLOGI GRED S27
Lihat 8.	2200 - PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N27
Lihat 9.	2366 - PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED J29
Lihat 10.	2764 - PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F29

At the bottom of the table, there is a pagination control showing "1 2 Seterusnya" and "Rekod Per Muka Surat 10".

- 6.4.4. Pilih senarai skim dan klik butang `Tambah` untuk daftar skim dipohon.


[Kembali Ke Senarai](#)



The screenshot shows the "Tambah" form in the ePGSPA application. It has two main sections: "Kementerian / Jabatan" and "Skim Dipohon". The "Kementerian / Jabatan" section has a text input field containing "JABATAN PERKHIDMATAN AWAM". The "Skim Dipohon" section has a dropdown menu with "Sila Pilih" selected. Below the form, there is a "Tambah" button. An arrow points from the text "Sila pilih senarai skim yang dipohon" to the dropdown menu.

- 6.4.5. Klik `Lihat` untuk lihat maklumat skim dipohon.


[Kembali Ke Senarai](#)



The screenshot shows the "Lihat" form in the ePGSPA application. It has two main sections: "Kementerian / Jabatan" and "Skim Dipohon". The "Kementerian / Jabatan" section has a text input field containing "JABATAN PERKHIDMATAN AWAM". The "Skim Dipohon" section has a text input field containing "KETUA KOMUNIKASI KORPORAT GRED 54 (TERBUKA)".

6.5. Peti Masuk (Paparan Penerimaan Mesej Baru)

6.5.1. Klik Menu `Peti Masuk` untuk lihat mesej di dalam peti masuk.



The screenshot shows the ePGSPA web application interface. The main content area displays a table of messages. The first message is selected, and the 'Lihat' (View) button is highlighted. The 'Hapus' (Delete) button is also visible. The status of the message is 'Dalam Tindakan' (In Progress).

	Pilih	Bil.	Rujukan PGSPA	Subjek	Tarikh Urusan	Status
Lihat	<input checked="" type="checkbox"/>	1.	PGSPA/14/2010	MAKLUMAN PENGESAHAN PENERIMAAN PENGANTARAN PERMOHONAN PENGISIAN JAWATAN PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK GRED M41 DI BAWAH BIDANGKUASA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA	Tarikh Terima : 03/06/2010 Tarikh PLP : Tarikh Temuduga(Dari) : Tarikh Temuduga(Hingga) : Tarikh Tawaran :	Dalam Tindakan

Klik `Lihat` untuk lihat maklumat PGSPA

Klik `Pilih` dan klik butang `Hapus` untuk hapus maklumat di peti masuk

6.5.2. Mesej maklumat penerimaan penghantaran permohonan pengisian jawatan daripada SPA Malaysia tersebut bermaksud, SPA Malaysia telah menerima permohonan tersebut dan akan memproses permohonan tersebut.


6.5.3. Klik pada `status` untuk melihat status tindakan.

[Kembali Ke Senarai](#)

Rujukan PGSPA	PGSPA/14/2010
Pegawai Serahan	SUHANA AZLIN BINTI SAAID
Kementerian / Jabatan	SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
Catatan Pegawai	Proses ini akan diambil tindakan dengan tempoh segera
Tarikh Tindakan	03/06/2010
Status	Dalam Tindakan

